

26 OCT 1998

Parlimen-Bahas (Pembangkang)

DAP TIDAK MAHU "MOB RULE" DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) hari ini menyatakan sokongan terhadap pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa negara ini tidak mahu satu pemerintahan oleh perusuh.

"Saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa kita tidak mahu mob rule di Malaysia.

"Rakyat Malaysia akan menggunakan kotak pengundian untuk meminta perubahan politik dan bukannya cara Indonesia yang memilih street violence (rusuhan di jalan raya)," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan Rakyat.

Semasa membentangkan Belanjawan 1999 Jumaat lepas, Dr Mahathir mengutuk "mob rule" dan berkata bahawa Malaysia adalah negara demokratik dan mengamalkan pemerintahan mengikut undang-undang.

Lim berkata DAP kesal dengan tindakan-tindakan ganas yang berlaku di Kuala Lumpur pada Sabtu lepas dan mahu supaya satu cara penyelesaian yang aman "untuk menyahut permintaan politik yang mahukan lebih ruang demokrasi supaya hak bersuara dan kebebasan berkumpul rakyat dihormati."

"Sementara kerajaan dan polis perlu mengiktiraf dan menghormati hak rakyat berkumpul secara aman untuk melahirkan rasa kluatir dan aspirasi mereka ... setiap rakyat Malaysia harus sedar tentang perlunya mengekalkan tahap disiplin yang tinggi untuk menjaga ketenteraman awam dan undang-undang, yang merupakan sesuatu yang rapuh dalam masyarakat berbilang kaum kita," katanya.

Lim yang menjadi pembahas pertama Benjawan 1999 mengambil masa hampir dua jam dan bercakap panjang lebar mengenai perkembangan politik tanah air, kesahihan Dr Mahathir sebagai Menteri Kewangan Pertama di samping menyentuh isu kawalan modal dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata Malaysia yang sedang menghadapi krisis politik yang serius menyukarkan usaha pemulihan ekonomi.

Lim mencadangkan satu cara bagi menyelesaikan krisis politik ialah dengan Dr Mahathir membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

Sekiranya tidak mengadakan pilihan raya umum, katanya, Dr Mahathir patut mengambil inisiatif mengadakan Persidangan Meja Bulat Semua Parti/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menangani isu-isu integriti dan kebebasan badan kehakiman, polis, kebebasan akhbar, bersuara, berhimpun dan mengedar maklumat.

Mengenai langkah kawalan modal, Lim berkata masih terlalu awal untuk membuat kesimpulan mengenai langkah itu kerana tanda-tanda awal pasaran saham Malaysia tidak menggalakkan walaupun pasaran saham Asia Tenggara telah memantul secara kuatnya sejak awal bulan ini.

"Menteri Kewangan semasa menggulung perbahasan nanti harus membalas terhadap reservasi mengenai kesan kawalan modal ke atas bursa tempatan," katanya.

Beliau berkata peluang yang diberikan oleh kawalan modal juga tidak digunakan sepenuhnya bagi melaksanakan pembaharuan struktur ekonomi dan kewangan kerana tidak ada satu pun dalam Belanjawan 1999 yang menyentuh perang menentang rasuah dan kronisme.

"Kerajaan telah gagal mematuhi peraturan ketelusan yang dicadangkan oleh Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam cadangan bail-out Renong sebanyak RM10.5 bilion, usaha RM1.1

bilion bail-out Bank Bumiputra (usaha bail-out ketiga dalam tempoh 12 tahun)," katanya.

Katanya ketelusan sepenuhnya harus dituruti dalam segala usaha menyelamatkan kerajaan selaras dengan cadangan PPEN bagi mengelakkan kesan buruk ke atas keyakinan orang awam serta pelabur.

Lim berkata kerajaan tidak harus menggunakan perbelanjaan fiskal belanjawan defisit untuk menyelamatkan kroni-kroninya dengan melaksanakan projek-projek infrastruktur berprestij tetapi sebaliknya harus menumpukan ke atas projek-projek yang secara terus menguntungkan orang biasa.

Mengenai MSC, Lim mahu kerajaan mengumumkan mengenai "responding organisations" (RO) yang menang dalam tawaran mengenai projek teknologi maklumat supaya orang ramai tahu apakah teknologi baru yang akan memberi kesan dalam kehidupan mereka.

Sementara itu, Haji Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) menyarankan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan kerana undang-undang itu katanya sudah lapuk serta memberi gambaran seolah-olah negara ini masih dalam keadaan darurat.

Akta itu juga boleh disalahgunakan untuk menjaga kedudukan individu-individu tertentu, katanya.

Beliau berkata sesi ceramah yang selama ini dianjurkan oleh Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) menunjukkan bahawa ia mengamalkan sistem demokrasi yang sebenar.

"Sesi ceramah boleh mengelakkan berlakunya demonstrasi," katanya.

Mengenai sistem kewangan Islam, Abdul Hadi menyarankan supaya Bank Islam diberi lebih kebebasan untuk mengembangkan sistem kewangan Islam di negara ini.

Kerajaan juga harus sedar bahawa riba yang diamalkan dalam sistem kewangan antarabangsa merupakan senjata yang paling berkesan dalam menjatuhkan ekonomi sesebuah negara, katanya.

Oleh itu, kerajaan haruslah tegas dalam menentang amalan riba dalam institusi kewangan tempatan, kata Abdul Hadi.

--BERNAMA

HS HAK sj NMO